

# Sedia bangunkan pelancongan

**Angkasa sambut baik kerjasama bangunkan sektor pelancongan Jerai Geopark di Yan**

WAN MOHD NOOR HAFIZ  
WAN MANSOR

ALOR SETAR

**A**ngkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyambut baik pelawaan untuk bekerjasama membangunkan sektor pelancongan Jerai Geopark di Yan dekat sini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kerjasama tersebut melibatkan projek yang memberi impak tinggi ke-

JERAI GEOPARK



Gunung Jerai memiliki nilai warisan geologi sangat tinggi dan batuannya mencecah usia 550 juta tahun.

pada ekonomi yang dilaksanakan secara bersama oleh pihaknya dengan agensi-agensi kerajaan lain.

Menurutnya, sebanyak 20 koperasi di Kedah dikenal pasti untuk mengambil bahagian dalam projek ber-

impak tinggi itu.

“Terdapat 25 tempat yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai tempat pelancongan di Yan dan Kuala Muda.

“Kesan daripada usaha ini, ia dapat menyediakan

peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat selain keuntungan kepada koperasi itu sendiri.

“Apabila dibangunkan kawasan pelancongan itu, sudah tentu akan turut memajukan kawasan tersebut



ABDUL FATTAH

secara tidak langsung,” katanya pada sidang media di Alor Setar semalam.

Menurutnya, Jerai Geopark berkeluasan 800 kilometer persegi merangkumi dua daerah iaitu Yan dan Kuala Muda termasuk empat buah pulau yang mempunyai potensi besar untuk dibangunkan.

Abdul Fattah turut berharap koperasi memainkan peranan penting kerana

kebaikan dan keuntungan akan kembali semula kepada ahli-ahli koperasi melalui dividen termasuk faedah yang bukan bersifat kewangan.

Jerai Geopark secara saintifiknya terletak dalam lingkungan geodiversiti Formasi Jerai, Formasi Mahang dan Granit Jerai.

Formasi Jerai yang berusia 550 juta tahun berada pada kedudukan tertinggi iaitu 1,217 meter dari aras laut menjadikan Gunung Jerai sangat unik dan memiliki nilai warisan geologi sangat tinggi.

Kawasan tersebut secara rasmi dimasyhurkan sebagai Geopark Kebangsaan pada November 2018 yang disempurnakan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah di kaki Gunung Jerai.